

Produk Penyelidikan UniMAP diiktiraf berkualiti

PECIPTA atau dahulunya dikenali sebagai Pameran Rekacipta R&D IPTA adalah acara dwi tahunan yang mempamerkan hasil-hasil penyelidikan oleh penyelidik dari institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Tahun 2009 merupakan kali ketiga pameran ini dianjurkan di mana Universiti Malaya telah dipilih sebagai hos PECIPTA 2009. Pameran kali ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Tan Sri Muhyiddin Yasin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada hari pertama pameran. Beliau yang diiringi oleh Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Y. Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi telah mengadakan lawatan ke booth-booth pameran sejurus selepas majlis perasmian. UniMAP telah membuat persediaan rapi untuk menyertai pameran kali ini kerana ia merupakan salah satu pameran yang menjadi fokus Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UniMAP pada tahun 2009. Untuk itu, pada tahun ini UniMAP telah menghantar penyertaan sebanyak 26 produk penyelidikan untuk dipertandingkan manakala tiga produk lagi hanya dipamerkan di

galeri utama ruang pameran yang telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre bermula dari 8 sehingga 10 Oktober 2009 yang lalu.

Hasilnya, UniMAP sekali lagi telah beroleh kejayaan yang membanggakan apabila berjaya memenangi 2 pingat emas, 10 pingat perak dan 3 pingat gangsa. Pada tahun 2007, UniMAP hanya memperolehi 1 pingat emas, 4 pingat perak dan 5 pingat gangsa. Jika dihitung dari jumlah pingat yang dimenangi, UniMAP berada di tangga ke enam daripada 23 universiti di Malaysia yang turut sama menyertai pameran pada tahun ini. Malah hanya 10 universiti sahaja yang berjaya memenangi pingat emas di pameran kali ini.

Kejayaan manis ini akan mengukuhkan lagi nama UniMAP selaku universiti yang bukan sahaja aktif dalam bidang penyelidikan malah hasil penyelidikannya juga diiktiraf sangat berkualiti dan mempunyai nilai yang tinggi.

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK	PINGAT
1	Mohd. Mustafa Al Bakri Abdullah , Prof. Madya Che Ruzaidi Ghazali, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Mohammad Tamizi Selimim, Norazian Mohamed Noor, Norzaidi Zainol	GeoCRETE: A Novel Concrete Without Cement	Emas
2	Hema C.R. , Prof. Madya Dr. Paulraj M.P, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom, Prof. Dr. R.Nagarajan.	Intelligent Brain Interface For A Robot Chair	Emas
3	Prof. Dr. Sazali Yaacob , Mohd. Hafiz Fazalul Rahiman, Ruzairi Abdul Rahim, Nor Muzakir Nor Ayob @ Nordin.	Ultrasonic Tomography Imaging Instrument	Perak
4	Assoc. Prof. Dr R. Badlishah Ahmad Saidatul Norlyana Azemi, Soh Ping Jack, Azremi Abdullah Al-Hadi, Nurul Husna Mohd Rais, Mohamad Ezral Baharudin, Muhammad Ezanuddin Abdul Aziz, Nornikman Hassan.	1Antenna: A Novel Antenna for Wireless Applications	Perak
5	Prof. Dr Uda Bin Hashim , Kasim Abd Rahman, Azizullah Saifullah	LISFET	Perak
6	Prof. Dr. San Myint Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Dr. Ir. Salmah Husseinsyah, Nurul Hida	Light Weight Roofing Tiles	Perak
7	Prof. Dr. Uda bin Hashim Chin Seng Fatt, Muhammad Naim Haron, Nur Syuhada Md Desa	ISFET	Perak
8	Ir. Mohd Ichwan Nasution , Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Prof. Dr. Shamsul Baharin Jamaludin, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Dr. Khairel Rafezi Ahmad, Faizul Che Pa, Chek Idrus Omar	Aluminium Filled Polymer Via Casting Technique	Perak
9	Dr. Supri A. Ghani , Dr. Ir. Salmah Husseinsyah, Dr. Ir. Suryadiansyah	Green Polymer From Modified Water Hyacinth Fibers	Perak
10	Masitah binti Hasan , Zulfakar Mokhtar, Naimah Ibrahim	OPAC Bead: Composite Beads From Palm Ash And Chitosan For Sorption Of Dye From Textile Industry	Perak
11	Prof. Dr. Uda Bin Hashim , Muhamad Emi Azri Shohini	Nano Structure Patterning Using Conventional Optical Lithography	Perak
12	Prof. Madya Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid , Hilal A. Fadhil	Random Diagonal (RD) Code For Spectral Amplitude Coding OCDMA Systems	Perak
13	Dr. Supri A. Ghani , Dr. Ir. Salmah Husseinsyah, Dr. Ir. Suryadiansyah, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Siti Shuhadah, Ismail Ibrahim, Norzaidi Zainol	Modines : Modified Nano Eggshells Powder Reinforced Composite System	Gangsa
14	Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad Zahereel Ishwar Abdul Khalib, Md. Mostafijur Rahman	NetworkEye	Gangsa
15	Ir. Anuar Mat Safar Prof. Madya Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid, Muhammad Imran Ahmad, Mat Nor Mohamad Ismail, Dr. Mohammad Naufal Saad, Syed Mohamad Hamzah Aljunid Syed Abdul Rahman	Zero Cross Correlation Code Encoder/Decoder for Optical Code Division Multiple Access (OCDMA)	Gangsa